



[PPM-001-02-03062018]

**MEMORANDUM PERTUBUHAN PERSAUDARAAN PESAWAH MALAYSIA**

**KEPADA**

**AHLI-AHLI PARLIMEN MALAYSIA, PARTI-PARTI POLITIK, SERTA KERAJAAN MALAYSIA**

**BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA  
17 MAC 2022**

*“Petani Bukan Pemas, Tetapi Selalu Ditindas”*

## RINGKASAN SARANAN

1. Sasaran **tahap sara diri (SSL) beras 100%** dalam setiap Rancangan Malaysia (RMK).
2. Menghentikan **Projek Estet Berskala Besar (Smart SBB)** sebaliknya menyokong dan meramaikan usahawan-usahawan petani individu, koperasi, persatuan dan syarikat lokal yang sudah pun mengusahakan banyak sawah-sawah terbiar atau yang tidak diusahakan oleh tuan tanah.
3. Menghentikan rancangan untuk Menyertai **Konvensyen UPOV 91** dan penggubalan **Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman** sebaliknya memperkasa hak petani untuk menyimpan, memproses, berkongsi dan menjual benih secara bukan komersial.
4. **Subsidi input pertanian** diberikan terus kepada pesawah dalam bentuk 'kupon' melalui satu mekanisme atau sistem yang dipersetujui bersama antara kerajaan dan petani. **Kuota pengeluar benih** dihapuskan dan pasaran dibuka untuk mengalakkan persaingan.
5. Bantuan **wang ehsan** sementara menunggu padi dituai yang pernah diterima sebelum ini oleh pesawah dikembalikan semula.
6. Penetapan **potongan pemutuan padi** melalui potongan pemutuan sebenar dengan had tidak melebihi 17% dan kawal seliaan pegawai penguatkuasa dari pihak kerajaan.
7. Wujudkan tiga **gred harga padi** iaitu harga minimum terjamin yang berbeza bagi padi gred A, B dan C.
8. **Bajet infrastruktur dan penyelenggaraan** yang dipotong dalam belanjawan sebelum ini dikembalikan semula dan penetapan jadual pengairan yang dinamik dibuat secara bersama oleh IADA, MADA, KADA dan Jabatan Pertanian supaya tidak berlaku **jadual bekalan benih** yang bercanggah dengan jadual bekalan air. Gabungan kejuruteraan dan applikasi ICT perlu dibina untuk menyelaraskan penyelenggaraan air yang cekap dan tepat.
9. Perkasakan **unit lapangan kawalan penyakit dan perosak** serta agronomik tanah dengan mengambil lebih banyak pegawai di satu-satu kawasan supaya unit ini berfungsi dengan lebih baik. Bina applikasi ICT untuk memudahcara khidmat nasihat dan mitigasi yang pantas.
10. Struktur semula pentadbiran agensi dalam industri padi dan beras dengan menubuhkan semula satu agensi atau entiti kerajaan iaitu **Lembaga Padi dan Beras Negara** untuk urusan polisi, pentadbiran, pengkalan data dan kawalan padi dan beras sebagai komoditi **keselamatan negara (national security)**.
11. Batalkan **konsesi BERNAS** sebagai pengimport tunggal dan LPN diberikan tanggungjawab mengimport beras dan membekalkan kepada pemborong tempatan.
12. Utamakan **beras tempatan** dalam penyediaan **beras stokpile** negara dan penggunaan beras tempatan dalam semua **tender-tender kerajaan** serta pastikan kawalan ketat dilaksanakan terhadap kemasukan beras import.
13. Mewujudkan **kuota pembelian padi** oleh kilang-kilang beras berdasarkan kapasiti breakeven kilang masing-masing. Kerajaan juga perlu menggalakkan petani terlibat dengan kegiatan nilai tambah melalui **kilang berskala kecil**.
14. Kerajaan persekutuan menghalang **pertukaran syarat guna tanah pertanian** padi kepada status lain yang kini dilihat seperti dilakukan sewenang-wenangnya oleh kerajaan negeri.

## LATAR BELAKANG ISU

Memorandum ini bertujuan untuk mengangkat suara pesawah kepada wakil-wakil rakyat, parti-parti politik dan kerajaan Malaysia agar cakna dan faham permasalahan yang dihadapi oleh para pesawah. Pesawah kecewa dengan segala tohmahan yang diberikan kepada golongan petani kononya para petani di Malaysia tidak berpengetahuan dan gagal menjamin bekalan makanan negara sementara para pelobi dan vendor terus mengambil kesempatan dan menindas pesawah. Hakikatnya petani telah bersawah turun temurun menunjukkan kesinambungan ilmu dan pengalaman bersawah padi yang luas dan intim dengan eko-sistem padi sepenuhnya.

Sesungguhnya, pihak kerajaan khususnya kementerian pertanian lebih mendengar suara para pelobi korporat mahupun akademik dan membuat keputusan-keputusan besar tanpa berunding dan berkonsultasi dengan para petani dengan adil dan berkesan. Kami para petani sudah serik disuruh-suruh dan dipaksa-paksa menerima apa sahaja program dan polisi kementerian pertanian seolah-olah para petani tidak ada hak untuk bersuara. Sering kali, sesi pertemuan yang diadakan bersama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), NGO dan para petani secara umum hanya dalam bentuk sesi taklimat dan soal jawab yang tidak mengubah apa-apa keputusan yang sudah awal-awal lagi ditentukan. Seterusnya, permasalahan petani seperti kegagalan kunci air berfungsi, infrastruktur tidak diselenggara, bekalan benih yang mahal, tidak berkualiti dan tidak mengikut jadual<sup>1</sup>, potongan pemutuan yang tidak munasabah, bencana alam, serta serangan perosak dan penyakit, tidak akan diendahkan oleh pihak berwajib selagimana petani tidak membuat bising melalui video viral, demonstrasi atau kenyataan media. Sikap begini adalah tidak sihat dan menggambarkan sikap sambil lewa pihak yang berkenaan.

Para pesawah seringkali dijadikan modal/alasan buat para pelobi dan vendor mengaut keuntungan atas nama pesawah dan jaminan bekalan makanan negara. Hakikatnya, majoriti peruntukan yang diluluskan kerajaan untuk industri padi dan beras dinikmati oleh para vendor seperti kuota benih, subsidi racun, subsidi baja dan projek-projek infrastuktur. Sistem perolehan input yang dipusatkan kepada satu agensi membuka ruang untuk rent-seeking di kalangan pegawai dan pelaksana. Indeks rent-seeking adalah tinggi iaitu 1.8<sup>2</sup>. Bererti, bagi setiap RM1 yang diterima petani, syarikat besar seperti BERNAS mahupun NAFAS, pengeluar, pengedar dan peruncit akan menerima jumlah serupa tanpa perlu berhadapan dengan faktor risiko, menanggung kos atau mengeluarkan tenaga perburuhan

---

<sup>1</sup> Mengikut Laporan Ketua Audit Negara (2019) purata kelewatan benih padi adalah antara 14 – 222 hari.

<sup>2</sup> Fatimah Kari (2019). *Ahli akademik dedah masalah struktur dalam industri padi*  
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/12/08/ahli-akademik-dedah-masalah-struktur-dalam-industri-padi/>

yang sama seperti yang ditanggung oleh petani. Pesawah hanya menerima secara langsung satu sahaja perutukan kerajaan iaitu Skim Subsidi Harga Padi yang berbentuk insentif sebanyak RM360 yang dimasukkan ke akaun pesawah untuk setiap tan padi yang dihasilkan petani.

Malangnya, kegagalan Malaysia untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras negara dan meningkatkan taraf hidup petani diletakkan atas kepala pesawah semata-mata seolah-oleh pesawahlah yang melahap keseluruhan subsidi kerajaan, tanpa dipersoalkan kegagalan para vendor yang membekalkan input pertanian, agensi yang menguruskan projek-projek infrastruktur dan polisi yang tidak tepat. Pelbagai saranan dan usaha telah dilakukan oleh pesawah melalui saluran yang betul iaitu melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), NAFAS dan NGO untuk memperbaiki sistem subsidi dan masalah-masalah dalam industri padi dan beras ini, namun tidak mendapat perhatian sewajarnya dan seringkali digagalkan oleh pihak-pihak berkepentingan.

Terkini, isu-isu lapok yang tidak pernah diselesaikan dalam industri padi dan beras ini dijadikan modal baharu buat para pelobi korporat dan pegawai-pegawai yang bersekongkol dengan para pelobi ini untuk mencadangkan pengambilalihan industri padi dan beras secara berperingkat melalui projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB). Smart SBB adalah satu usaha penguasaan syarikat-syarikat besar (19 syarikat peneraju) yang majoritinya adalah pemborong beras dan kilang padi terhadap aktiviti penanaman padi di Malaysia. Estet-estet padi ini akan mewujudkan monopoli korporat secara total dalam sektor padi dan beras yang merupakan sektor keselamatan negara (national security). Sudah tentu, janji-janji manis ditaburkan dan 'gula-gula' diberikan kepada pesawah untuk menarik minat pesawah menyertai estet padi namun hakikatnya laba yang mereka tuntutan adalah penguasaan terhadap subsidi kerajaan sedia ada dan monopoli pasaran benih, baja, racun dan jentera yang akan diberikan hak kepada syarikat peneraju estet untuk menguruskannya.

Sasaran yang ditetapkan untuk projek ini iaitu peningkatan tahap sara diri (SSL) beras kepada 75% dan pengeluaran hasil sebanyak 7 tan per hektar adalah terlalu kecil dan tidak berbaloi dengan risiko besar yang bakal dibawa oleh projek estet ini. PeSAWAH menerima banyak maklum balas daripada para petani yang menyatakan bahawa projek Smart SBB ini dijangka memberi impak berikut:

- I. Meminggirkan ramai petani-petani muda dan juga syarikat kecil tempatan yang kini komited menyewa banyak sawah yang sebelum ini tidak diusahakan jika tuan tanah ditawarkan bayaran sewaan yang lebih tinggi oleh syarikat.
- II. Risiko kemasukan pekerja asing yang lebih murah

- III. Pengusaha traktor dan jentera sedia ada kehilangan pelanggan
- IV. Risiko tanah tergadai kerana tidak berhati-hati dengan terma dan syarat perjanjian
- V. Tanah sawah berisiko rosak akibat pencemaran racun berleluasa, penggunaan nutrien tanah secara maksimum atau penggunaan tanah ditukar kepada projek lain.

Malaysia tidak boleh meniru model Large Field Model di Vietnam kerana struktur pengeluaran dan pasaran padi yang sangat berbeza. Dari segi pengeluaran, Vietnam memiliki banyak benih padi yang berhasil tinggi (lebih daripada 200 benih berbanding 38 di Malaysia), pasaran padi dan beras yang lebih bersaing, tiada kawalan harga (kecuali harga sokongan) dan sistem pengembangan dan sokongan teknikal yang komprehensif dan intensif. Vietnam telah menguji model ini secara beransuran mulai 2011 dan tidak melaksanakan sekali gus besar-besaran seperti di Malaysia<sup>3</sup>.

Satu usul telah pun dibawa oleh perwakilan Negeri Kedah dalam mesyuarat agong tahunan NAFAS pada 25 November 2021 menolak pelaksanaan estet oleh syarikat-syarikat korporat ini dan usul tersebut telah diterima sebulat suara oleh perwakilan. Kami masih menantikan tindakan susulan daripada pihak NAFAS berkenaan hal ini.

Dua tahun sejak bermulanya pandemik Covid 19, kos pertanian telah meningkat dengan mendadak kerana gangguan logistik dan bahan mentah. Harga benih, baja, alat ganti jentera dan racun semuanya meningkat. Harga racun misalnya, meningkat 50% - 100%. Terdapat banyak jenis makhluk perosak dan rumpai yang boleh mengganggu penghasilan tanaman. Para petani di Malaysia sudah terbiasa diajar menggunakan racun sebagai penyelesaian kepada semua masalah perosak dan rumpai. Tahun demi tahun, lebih banyak racun yang spesifik kepada sesejenis perosak atau rumpai diperlukan oleh petani dan dos yang perlu digunakan meningkat sedikit demi sedikit. Ini berlaku kerana perosak dan rumpai tersebut telah menjadi rintang terhadap racun yang digunakan. Jika rintangan terhadap racun perosak tertentu ini berkembang dari satu generasi perosak ke generasi seterusnya, produk ini tidak lagi boleh digunakan dengan berkesan sekali gus mengurangkan pilihan yang tersedia untuk mengawal perosak. Akhirnya petani akan terikat dan terpaksa menggunakan satu-satunya pilihan yang ada di pasaran walaupun perlu membelanjakan kos yang lebih besar.

Dalam hal ini, kerajaan memberikan subsidi kepada pesawah melalui Skim Insentif Penghasilan Padi (SIPP). Skim SIPP tidak berikan terus kepada petani tetapi diberikan kepada vendor input racun dan baja dan pengusaha jentera. Pesawah hanya boleh memilih jenis

---

<sup>3</sup> CGIAR (2017). *Assessing the Potential of Climate Smart Agriculture in Large Rice Field Models in Vietnam* [https://cgspace.cgiar.org/bitstream/handle/10568/89039/PIRCCA\\_WP211.pdf?sequence=5](https://cgspace.cgiar.org/bitstream/handle/10568/89039/PIRCCA_WP211.pdf?sequence=5)

racun atau baja yang hendak digunakan daripada satu senarai khas yang terhad. Ini bermakna, petani terikat kepada pilihan yang terhad. PeSAWAH menggesa supaya kaedah pemberian subsidi input pertanian melalui vendor ini dihapuskan dan digantikan dengan sistem bayaran terus kepada pesawah supaya pesawah dapat memilih sistem kawalan perosak dan rumpai yang sesuai dengan sawah mereka termasuk pertanian organik dan jika pesawah tidak memerlukan kawalan perosak dan rumpai pada musim tersebut, wang tersebut boleh menjadi nilai tambah untuk petani.

Isu monopoli BERNAS dan syarikat-syarikat kerjasama mereka dalam pasaran beras dan kilang padi telah dibangkitkan oleh para pesawah sejak sekian lama. Praktis perniagaan yang tidak adil dan persaingan tidak sihat telah diatur secara strategik dan sistematik oleh BERNAS dan syarikat kerjasama mereka yang menikmati monopoli beras import dan mengurus subsidi harga padi di Malaysia lebih daripada 28 tahun. Akibatnya jumlah kilang padi semakin berkurangan dan beras import yang diragui jumlahnya telah mengganggu kuasa tawaran pesawah dalam bentuk potongan pemutuan yang tinggi mengikut trend pasaran beras, bukannya 100% mengikut kualiti padi. Janji-janji tanggungjawab sosial BERNAS seolah-olah hanya slogan kosong untuk mengaburi mata rakyat sedangkan apa yang diutamakan adalah kira-kira untung rugi semata. Setelah menguasai industri secara horizontal dalam pasaran beras, kini bernas dan syarikat kerjasama mereka giat pula merancang untuk menguasai industri secara vertikal melalui projek estet Smart SBB.

Jelas bahawa monopoli import kepada BERNAS memudahkan BERNAS memperkukuhkan kedudukan pasarnya melalui usaha joint venture dengan pemborong dan pengilang. Lantas BERNAS menguasai dua pertiga pasaran beras negara<sup>4</sup> membuktikan pasaran beras negara yang sangat berpusat atau concentrated atau kurang persaingan. Pengalaman negara lain membuktikan struktur sebegini menyebabkan tiada kemasukan pengusaha baru, petani tidak berpeluang untuk menceburi kegiatan nilai tambah dan pembangunan keluaran berasaskan padi dan beras yang lembap. Hujah yang sama terpakai dalam konteks pemusatan agaihan baja dan benih oleh satu agensi. Kesan struktur sebegini adalah:

- I. Menyekat kemasukan pengusaha baru atau start ups
- II. Melumpuhkan pasaran input tempatan
- III. Menutup peluang kepada petani untuk terlibat dalam pengeluaran dan agihan benih

---

<sup>4</sup> Fatimah Mohamed Arshad, Bustanul Ariffin and Yeong Sheng Tey (2019). *Effectiveness of State Trading Enterprises in Achieving Food Security: The Evaluation of BERNAS in Achieving Food Security and Food Policy at the Crossroads: Wither Roles of BULOG?* Kuala Lumpur: Institute of Democracy and Economic Affairs or IDEAS, (Malaysia Agriculture report, 2019), 45pp.

- IV. Masalah governans terutama gelagat rent-seeking dan korupsi ke atas perolehan input secara besar-besaran atau pukal dan
- V. Masalah pengurusan agihan seperti kelewatan, satu formula baja untuk semua jenis tanah dsbnya.

Sementara itu, pihak Jabatan Pertanian pula sibuk bekerjasama dengan agen asing iaitu sekretariat International Union for the Protection of New Varieties of Plants (UPOV) untuk meminda Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 supaya selari dengan Akta UPOV 1991. UPOV 91 bertujuan untuk mengukuhkan monopoli syarikat terhadap benih seolah-olah benih tersebut adalah hak mutlak mereka sedangkan Akta Perlindungan Varieti Baharu Tumbuhan 2004 sedia ada adalah mencukupi kerana ia menyeimbangkan hak syarikat dan hak tradisi petani. Jelas sekali, hal ini akan meningkatkan harga benih yang pada ketika ini sudah sedia naik walaupun pihak kawalselia menyatakan harga benih dikawal pada kadar RM35 untuk satu beg 20kg (hakikatnya ia tidak berlaku). Kenaikan harga benih menyebabkan lebih ramai petani ketika ini mula mengamalkan amalan tradisi petani iaitu menyimpan dan memproses benih sendiri. Malah ada yang berkongsi atau menjualnya secara kecil-kecilan. Amalan ini sedikit sebanyak membantu petani menjimatkan kos dan mempelbagaikan pilihan benih yang ada. Pada ketika ini, tiada halangan untuk petani melakukan aktiviti ini sama ada benih yang digunakan adalah benih tradisional yang boleh didapati disekitar kawasan mereka atau benih komersial yang dibeli di kedai. UPOV 1991 akan menafikan hak petani ini serta memperkuatkan lagi monopoli industri benih dalam beberapa hal yang lain seperti tempoh hak monopoli yang lebih lama dan had royalti tidak boleh ditentukan kerajaan. Undang-undang ini tidak terhad kepada benih padi sahaja tetapi terhadap semua jenis benih.

Petani adalah pengusaha yang mengendalikan benih padi daripada penyemaian hingga penuaian, maka ilmu dan pengalaman mereka bukan calang-calang dan sepatutnya didayaupayakan supaya mereka dapat menghasilkan benih terbaik dari masa ke semasa dengan bantuan penyelidik sebagaimana di Vietnam. Ambil maklum bahawa Malaysia memiliki kekayaan benih padi tempatan (ratusan) yang pelbagai yang masih belum digembelngkan terutama di Sabah dan Sarawak. Maka UPOV berpotensi untuk mengambil kesempatan ke atas benih tempatan ini.

Tidak cukup dengan itu, Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman juga sedang dirangka oleh Jabatan Pertanian supaya setiap individu (petani mahupun bukan petani) diwajibkan memohon lesen untuk memproses benih yang dikategorikan sebagai terkawal.

Benih terkawal adalah benih yang berasal dari spesies tanaman atau varieti yang memiliki nilai komersial yang ditentukan dalam peraturan oleh lembaga khas yang akan dibentuk iaitu Lembaga Kualiti Benih. Ini bermakna semua benih tanaman adalah berisiko dikawal pemrosesannya melalui undang-undang ini. Untuk mendapatkan lesen, pemohon perlu membayar 'fee' dengan jumlah yang akan ditetapkan, menghantar sample benih ke makmal yang dilantik untuk ujian kualiti dan mematuhi piawaiian penyimpanan, pembungkusan dan perlabelan. Mana-mana individu yang melanggar undang-undang ini boleh dikenakan denda antara RM100,000 hingga RM200,000 atau dipenjarakan selama 3 hingga 5 tahun. Benih berkualiti adalah penting bagi petani dan pengguna. Namun, Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tumbuhan ini akan memberi kesan yang lebih besar dari sekadar kawalan kualiti kerana ia juga akan mendiskriminasi amalan petani kecil serta orang awam dan hanya menyokong pengeluaran benih komersial.

## **SARANAN**

PeSAWAH menyeru ahli-ahli parlimen dan pihak kerajaan melaksanakan perkara-perkara berikut demi kemajuan industri padi dan beras negara serta menjamin keselamatan negara dalam konteks jaminan bekalan makanan.

- 1) **Sasaran tahap sara diri (SSL) beras 100% dalam setiap Rancangan Malaysia (RMK)** sebagai komitmen kerajaan untuk menjaga jaminan bekalan makanan negara melalui penghasilan bekalan makanan sendiri tanpa bergantung kepada negara luar.
- 2) **Menghentikan Projek Estet Berskala Besar (Smart SBB) sebaliknya menyokong dan meramaikan usahawan-usahawan petani individu dan syarikat lokal yang sudahpun mengusahakan banyak sawah-sawah terbiar atau yang tidak diusahakan oleh tuan tanah.** Konsep pertanian berkelompok untuk berkongsi modal dan mengurangkan kos melalui koperasi (sedia maklum bilangan ahli minimum koperasi sekarang adalah 20 orang sahaja iaitu satu angka yang dianggap boleh diurus dengan mudah kerana tidak terlalu besar) atau persatuan lokal adalah alternatif terbaik kepada Smart SBB.

Ini akan membina kapasiti pengusaha petani tempatan untuk masa hadapan. Lazimnya syarikat atau korporat lebih berorientasikan keuntungan. Lantas jika berlaku kerugian, mereka akan meninggalkan perusahaan berbanding dengan petani yang akan bertahan lama walau dicabar dengan risiko pengeluaran.



Menyerahkan semua masalah untuk diselesaikan oleh syarikat korporat bukanlah satu langkah yang bijak kerana ia hanya akan meningkatkan monopoli swasta dalam urusan keselamatan negara dalam konteks jaminan bekalan makanan. Sebaliknya, segala isu seperti masalah benih, baja, racun dan pasaran padi yang didakwa hanya mampu diselesaikan melalui Smart SBB boleh diatasi satu persatu tanpa melibatkan projek berskala besar ini.

- 3) **Menghentikan rancangan untuk Menyertai Konvensyen UPOV 91 dan pengubalan Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman sebaliknya memperkasa hak petani untuk menyimpan, memproses, berkongsi dan menjual benih secara bukan komersial.** Pemerksaan ini dapat dilaksanakan dengan mengiktiraf jumlah padi yang disimpan (tidak dihantar ke kilang) untuk dijadikan benih ke dalam kiraan Skim Subsidi Harga Padi. Ketika ini, hanya padi yang dihantar ke kilang sahaja yang diberikan insentif harga padi. Seterusnya, proses pindaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 perlu dihentikan.
- 4) **Subsidi input pertanian diberikan terus kepada pesawah dalam bentuk 'kupon' melalui satu mekanisme atau sistem yang dipersetujui bersama antara kerajaan dan petani. Kuota pengeluaran benih dihapuskan dan pasaran dibuka untuk mengalakkan persaingan.** Pengeluar benih boleh menuntut subsidi pengeluaran benih melalui jumlah kupon yang mereka kumpul dari petani yang membeli benih dari mereka. Sistem subsidi baja, racun dan input pertanian yang lain juga perlu diselaras sama seperti cadangan sistem benih supaya petani memiliki lebih banyak pilihan dan harga input pertanian dapat distabilkan melalui persaingan.
- 5) **Bantuan wang ehsan sementara menunggu padi dituai yang pernah diterima sebelum ini oleh pesawah dikembalikan semula.** Dengan adanya bantuan ini, petani dapat menyediakan keperluan rumah dan keluarga tanpa perlu berhutang sementara menunggu wang jualan padi dalam tempoh sekitar 6 bulan.
- 6) **Penetapan potongan pemutuan padi melalui potongan pemutuan sebenar dengan had tidak melebihi 17% dan kawal seliaan pegawai penguatkuasa dari pihak kerajaan.** Petani yang merasakan dianiaya boleh membuat bantahan melalui satu mekanisme tribunal yang mudah dan berkesan seperti tribunal pekerja.
- 7) **Wujudkan tiga gred harga padi iaitu harga minimum terjamin yang berbeza bagi padi gred A, B dan C.** Ini akan beri keadilan kepada petani yang rajin menjaga sawah iaitu padi yang lebih bermutu mendapat harga minimum terjamin yang lebih istimewa.

- 8) **Bajet infrastruktur dan penyelenggaraan yang dipotong dalam belanjawan sebelum ini dikembalikan semula.** Segerakan pembangunan sistem saliran (tersier) dan kawalan air yang sempurna yang sekian lama tertangguh dan **penetapan jadual pengairan yang dinamik dibuat secara bersama oleh IADA, MADA, KADA dan Jabatan Pertanian supaya tidak berlaku jadual bekalan benih yang bercanggah dengan jadual bekalan air** yang terjadi berkali-kali tanpa tindakan pembetulan. Gabungan kejuruteraan dan applikasi ICT perlu dibina untuk menyelaraskan penyelenggaraan air yang cekap dan tepat.
- 9) **Perkasakan unit lapangan kawalan penyakit dan perosak serta agronomik tanah dengan mengambil lebih banyak pegawai di satu-satu kawasan supaya unit ini berfungsi dengan lebih baik.** Mereka perlu turun ke lapangan, bukan menunggu aduan di office.
- 10) **Struktur semula pentadbiran agensi dalam industri padi dan beras dengan menubuhkan semula satu entiti tunggal iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara untuk urusan polisi, pentadbiran dan kawalan padi dan beras sebagai komoditi keselamatan negara (national security)** yang merentasi setiap peringkat rantaian industri padi dan beras bagi mengatasi masalah ketiadaan koordinasi, serta penguatkuasaan di peringkat benih, padi dan beras. Sehingga kini tiada agensi khusus untuk memantau prestasi industri padi dan beras selain unit kecil iaitu Seksyen Padi dan Beras di bawah MAFI. BERNAS adalah korporat perniagaan dan bukan agensi kerajaan maka orientasinya adalah lebih kepada perniagaan untuk membolehkan mereka melaksanakan beberapa fungsi sosial yang ditugaskan. Lantas BERNAS tidak memiliki wawasan jauh mengenai masa hadapan industri ini apatah lagi kesejahteraan petani dan masa depan mereka.
- 11) **Batalkan konsesi BERNAS sebagai pengimport tunggal dan LPN diberikan tanggungjawab mengimport beras dan membekalkan kepada pemborong tempatan** untuk mengawal jumlah beras, kestabilan harga, mewujudkan persaingan yang adil dan menjaga kebajikan pesawah dan hak pengguna sebagai tanggungjawab sosial. Dalam jangka masa panjang pasaran import perlu dibuka kepada pengusaha untuk pasaran yang bersaing.
- 12) **Utamakan beras tempatan dalam penyediaan beras stokpile negara dan penggunaan beras tempatan dalam semua tender-tender kerajaan serta pastikan kawalan ketat dilaksanakan terhadap kemasukan beras import.** Ini bagi mewujudkan satu pasaran tetap terhadap beras tempatan yang akan memanfaatkan para petani, pemborong dan pengilang tempatan.

- 13) **Mewujudkan kuota pembelian padi oleh kilang-kilang beras berdasarkan kapasiti breakeven kilang masing-masing.** Apabila ada lagi lebihan padi, barulah kilang boleh membeli padi melebihi dari kapasiti kilang. Ini bagi memastikan keadilan dalam persaingan antara kilang kecil dan besar dalam mendapatkan bekalan padi. Dengan cara ini juga potongan pemutuan yang tinggi kepada petani dapat dikawal kerana broker tidak dapat mengeksploitasi petani dengan membuat syarat potongan pemutuan dan komisyen yang tidak munasabah kepada kilang. Kerajaan juga perlu menggalakkan petani terlibat dengan kegiatan nilai tambah melalui kilang berskala kecil.
- 14) **Kerajaan persekutuan menghalang pertukaran syarat guna tanah pertanian padi kepada status lain yang kini dilihat seperti dilakukan sewenang-wenangnya oleh kerajaan negeri.** Ini bagi menjamin kawasan penghasilan makanan ruji negara kekal wujud untuk masa hadapan.

Segala sokongan ahli-ahli parlimen, parti-parti politik serta keperihatinan pihak kerajaan terhadap memorandum ini, adalah sangat dihargai dan PeSAWAH sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan sesiapa sahaja untuk melaksanakan saranan-saranan tersebut.

Disahkan,



Haji Muhammad Fuad Yaacob  
Pengerusi PeSAWAH



NurFitri Amir Muhammad  
Setiausaha PeSAWAH